

13/08/1998

Pusat siaran siap 30 Ogos

KUALA LUMPUR, Rabu - Pusat Penyiaran Antarabangsa (IBC) di Angkasapuri yang menjadi nadi operasi liputan media elektronik sepanjang Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98), akan siap sepenuhnya menjelang 30 Ogos ini.

Sehingga hari ini, 97 peratus kelengkapan serta kemudahan di IBC, termasuk di semua tempat berlangsungnya acara sukan, sudahpun siap dipasang bagi menanti detik bermulanya cabaran KL '98.

IBC yang bernilai lebih RM65 juta akan digunakan sepenuhnya mulai 1 September dengan tempoh percubaan peringkat akhir selama seminggu. Sebelum ini, ujian percubaan IBC dikendalikan selama sembilan hari pada 11 Julai lalu sempena Kejohanan Pra-Sukan Komanwel.

Perasmian kompleks penyiaran itu akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 24 Ogos ini.

Timbalan Pengarah Projek Unit Hos Penyiar Sukom KL '98, Zainal Abidin Iberahim, berkata hampir semua kemudahan di IBC sudah siap dipasang sejak kerja dimulakan 15 Januari lalu.

"Kerja pemasangan pelbagai kemudahan dan sistem penyiaran dimulakan sebaik sahaja kerja pembinaan IBC siap. Kita menjangka proses itu berakhir Sabtu ini.

"Dalam tempoh tujuh bulan, hampir semua kelengkapan dapat dipasang dan sekarang kita bersedia menjadi penganjur KL '98 yang akan mencatat sejarah tersendiri," katanya ketika ditemui di pejabatnya, di sini, hari ini.

Zainal Abidin berkata, RTM sebagai hos penyiar KL '98 juga sudah bersedia membuat liputan terbaik kejohanan sukan berprestij itu membabitkan kerjasama dengan pelbagai stesen televisyen antarabangsa.

"Dijangkakan, lebih 250 kamera dan 500 alat pembesar suara akan digunakan sepanjang liputan KL98," katanya.

(END)